

SOALAN NO: 117

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PROF. DR. ISMAIL BIN DAUT [MERBOK]

TARIKH :

SOALAN :

YB Prof. Dr. Ismail Bin Daut [Merbok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji semula label yang dicetak oleh pengilang di negara ini khususnya yang membawa masuk produk makanan asing ke pasaran tempatan bagi melindungi sensitiviti kesihatan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memantau makanan di pasaran tempatan sama ada makanan yang diimport atau makanan keluaran tempatan bagi memastikan makanan dijual adalah selamat dan mematuhi kehendak Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Bagi makanan keluaran tempatan dan yang diimport, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak pengilang dan pengimport untuk memastikan makanan yang dijual di pasaran tempatan adalah mematuhi label sebagaimana diperuntukkan dalam Peraturan 9 – 18E, Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak yang menjual makanan yang tidak mematuhi keperluan pelabelan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Seksyen 15 atau Seksyen 16, Akta Makanan 1983 apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan tindakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga (3) tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam pada itu, KKM akan sentiasa memastikan pengguna mendapat maklumat yang betul melalui maklumat pada label makanan bagi mengelakkan masalah sensitiviti. Di bawah Peraturan 11, Peraturan-Peraturan Makanan, 1985 maklumat berkaitan sensitiviti kesihatan berikut adalah wajib dilabel pada bungkusan produk makanan iaitu:

- i. makanan yang mengandungi ramuan yang diketahui boleh menyebabkan hipersensitiviti (allergen);
- ii. makanan yang mengandungi daging lembu atau daging babi atau terbitannya atau lemak babi sebagai ramuan;

- iii. makanan yang mengandung alkohol tambahan; dan
- iv. makanan dan ramuan makanan yang diperoleh melalui bioteknologi moden.

Di samping itu, di bawah Peraturan 13, Peraturan-Peraturan Iradiasi Makanan 2011 adalah mewajibkan pelabelan iradiasi bagi bungkusan yang mengandungi makanan yang diiradiasi untuk jualan.

Tuan Yang di-Pertua,

Dengan penguatkuasaan di pintu masuk secara berterusan, KKM memberi jaminan kepada label makanan import adalah sentiasa dipantau bagi memastikan pengguna dapat makanan yang selamat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. PROF. DR. ISMAIL BIN DAUT
[MERBOK]**

SOALAN :-

YB. Prof. Dr. Ismail Bin Daut [Merbok] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji semula Akta Pengurusan Strata supaya tanggungjawab pemaju dan JMB dapat dilihat dengan lebih telus dan jelas.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Pengurusan Strata (Akta 757), tanggungjawab pihak pengurusan iaitu pemaju, badan pengurusan bersama (JMB) dan perbadanan pengurusan (MC) telah dinyatakan dengan jelas. Antara tanggungjawab utama pihak pengurusan adalah seperti berikut:

- i. menyenggara dan mengurus bangunan dan harta bersama di bawah seksyen 9(1), 21(1) dan 59(1);
- ii. membuka dan menyenggara akaun di bawah seksyen 10, 11, 23, 24, 50 dan 51;
- iii. menentukan dan mengenakan caj penyenggaraan di bawah seksyen 9(2), 21(1) dan 59(1);
- iv. mengadakan mesyuarat agung tahunan di bawah perenggan 10, Jadual Kedua; dan

- v. menguatkuasakan undang-undang kecil di bawah seksyen 9(2), 21(1) dan 59(1) dan lain-lain.

Selain itu, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga ada menyediakan peraturan dan garis panduan sebagai panduan terperinci bagi kegunaan pemaju, JMB dan MC untuk menjadi pelengkap kepada Akta 757.

Walau bagaimanapun, KPKT amat menyedari bahawa pihak pengurusan perlu diberi pendedahan tentang kuasa dan kewajipan mereka dalam menguatkuasakan Akta 757. Sehubungan itu, pelbagai program telah dilaksanakan oleh KPKT seperti seminar pendidikan strata serta iklan melalui siaran tv, *billboard*, *brosur* dan *flyers*.

Justeru, pada masa kini KPKT berpandangan bahawa tiada keperluan untuk meminda Akta 757 bagi menambah lagi tanggungjawab pihak pengurusan yang sedia ada.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2017